

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 30 OKTOBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

**DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [ PASIR PUTEH ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci apakah manfaat yang akan diperoleh rakyat melalui pelancaran Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) (2019–2023) yang turut mengandungi penggunaan teknologi baharu seperti 5G

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (“NFCP”) telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 19 September 2019. Majlis pelancaran tersebut diadakan bagi membolehkan rakyat, para pelabur, pemain-pemain industri dan pihak yang berkepentingan mendapat gambaran yang lebih terperinci mengenai NFCP dan sekaligus mendapatkan sokongan mereka terhadap pelaksanaan pelan ini.
2. Terdapat manfaat langsung yang boleh dinikmati oleh pemberi-pemberi perkhidmatan komunikasi, kontraktor-kontraktor dan pengilang-pengilang peralatan yang akan terlibat di dalam pelaksanaan projek-projek NFCP. Ini juga termasuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, di mana SKMM menjangkakan sebanyak lebih kurang 20,000 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan sepanjang tempoh 5 tahun pelaksanaan NFCP.
3. Selain daripada itu, pembinaan infrastruktur digital di bawah NFCP ini akan dapat memberi manfaat kepada Kementerian, kerajaan negeri, agensi dan pihak swasta di dalam inisiatif mereka untuk membangunkan teknologi dan aplikasi seperti Industry 4WD, *Internet of Things* (IOT), automasi pembuatan, bandar pintar dan sebagainya. Ketersediaan infrastruktur digital mampan, menyeluruh, berkualiti dan mampu milik juga adalah asas permulaan bagi menyokong penggunaan teknologi masa hadapan seperti 5G. Inisiatif berasaskan teknologi sedia ada dan baharu serta aplikasi-aplikasi yang berkaitan memerlukan kesalinghubungan digital yang menyeluruh bagi membolehkan ianya digunakan dengan jayanya.
4. Hasil daripada pembinaan infrastruktur digital di bawah NFCP ini akan membolehkan Rakyat mendapat akses kepada perkhidmatan jalur lebar dan seterusnya merebut peluang di dalam ekonomi digital. Secara amnya, manfaat utama adalah seperti berikut:-

## SOALAN NO : 18

- a) Menyediakan rangkaian infrastruktur digital yang mampan dan meluas untuk membolehkan perkhidmatan pendidikan digital, e-dagang, e-kesihatan dan e-sukan dapat disediakan di seluruh negara.
- b) Peluang-peluang pekerjaan baharu untuk semua berdasarkan ekonomi digital akan diwujudkan dan taraf hidup rakyat akan dapat ditingkatkan.
- c) Peluang-peluang kepada usahawan-usahawan tempatan untuk menggunakan platform jalur lebar untuk menjadi sebahagian daripada rantai bekalan global.
- d) Belia-belia di kawasan luar bandar akan mendapat peluang untuk menjana sumber pendapatan yang lebih baik tanpa perlu berhijrah ke kawasan bandar dan ini akan menyumbang kepada pembangunan di kawasan-kawasan tersebut.
- e) Mengurangkan jurang digital dan memastikan kemakmuran bersama dengan memberikan penekanan seimbang kepada pembangunan infrastruktur digital di antara penduduk bandar dan luar bandar.
- f) Pelaksanaan infrastruktur digital secara meluas ke seluruh negara akan membolehkan pengagihan peluang secara saksama, terutamanya kepada golongan-golongan yang kurang terlibat di dalam ekonomi digital sebelum ini seperti nelayan, petani dan komuniti Orang Asli.